

SULIT

1103/1  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 1  
2 JAM

NAMA: .....  
TINGKATAN: .....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK

MODUL KECEMERLANGAN SPM 2023  
SET 1

BAHASA MELAYU

KERTAS 1  
2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

1103/1

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

Grafik dan petikan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pengurusan stres.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **pengurusan stres**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

	<p>Stres atau tekanan merupakan tindak balas fizikal, emosi dan mental yang dialami oleh seseorang apabila tuntutan mereka tidak dapat dipenuhi. Pengurusan stres perlu dilakukan secara berkesan bagi menjamin kesihatan fizikal dan mental.</p> <p>Sumber: <a href="https://www.mkn.gov.my">https://www.mkn.gov.my</a></p>
<p style="text-align: center;"><b>BANTUAN SOKONGAN PROFESIONAL</b></p> 	<p style="text-align: center;"><b>AKTIVITI BERFAEDAH</b></p>  <p style="text-align: center;">Bercuti</p> <p style="text-align: center;">Bersosial</p> <p style="text-align: center;">Bersenam dan beriadah</p>

**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

Kemakmuran sesebuah negara amat bergantung kepada keutuhan dan kemantapan hubungan dalam setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, semangat kejiiran merupakan aspek yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks kejiiran, masyarakat perlu saling menghormati dan menjaga keselamatan diri dan harta benda. Selain itu, amalan kunjung-mengunjung juga berupaya melahirkan nilai kasih sayang sesama jiran.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my>

Berdasarkan petikan di atas, huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiiran dalam kalangan masyarakat di negara kita.

2

Bergelar seorang mahasiswa menjadi impian para pelajar demi masa depan yang gemilang. Namun, mereka perlulah membuat kajian atau mengumpulkan maklumat tentang kursus yang ditawarkan di universiti sebagai gambaran awal bagi menentukan hala tuju selepas tamat pengajian.

Sumber: Internet

Pada pendapat anda, selain saranan yang dinyatakan dalam petikan di atas, apakah persediaan-persediaan yang harus dilakukan oleh para pelajar sebelum melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi?

3

Setiap murid akan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Setiap murid juga berpeluang mempelajari bahasa tambahan termasuk bahasa antarabangsa yang lain. Hal ini membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan negara jiran dalam dunia global masa ini.

Sumber: <https://www.moe.gov.my>

Petikan di atas menunjukkan sebahagian daripada kepentingan mempelajari bahasa asing. Anda diminta menyediakan teks syarahan bertajuk “Kepentingan Menguasai Bahasa Asing” sempena Minggu Bahasa sekolah anda.

Tulis teks syarahan tersebut selengkapnya.

4

Aktiviti pelancongan diakui sangat berpotensi tinggi, malah memainkan peranan cukup besar dalam menjana pembangunan ekonomi negara. Budaya warisan lokal kenegerian yang ada di setiap negeri di Malaysia sememangnya cukup unik. Keadaan ini jelas memberikan kelebihan besar buat Malaysia sebagai daya tarikan pelancong.

Sumber: *Berita Harian*, 25 Mac 2021

Bincangkan faktor-faktor pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

